



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 29 JANUARI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 29 Januari 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **3,423 kes** (157,722 kes kumulatif, 77.3%);
- Kes baharu : **5,725 kes** (203,933 kes kumulatif);
- Kes import : **7 kes** (5 warganegara, 2 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **5,718 kes;**
- Kes aktif : **45,478 kes;**
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **301 kes;**
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **115 kes;** dan
- Kes kematian : **16 kes** (733 kes kumulatif , 0.36%)

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **3,126 kes (54.6 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **2,559 kes (81.9 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan

kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **687 kes (12.0 peratus)**, dan Johor sebanyak **684 kes (11.9 peratus)**.

Sebanyak **419 kes (7.3 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen, dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (224 kes), Kluster Penjara Jalan Sungai Jelok (116 kes), Kluster Tembok Renggam (45 kes), Kluster Tembok Sungai Udang (16 kes), Kluster Tembok Mempaga (11 kes), Kluster Tembok Taiping (5 kes), dan Kluster Tembok Bukit Besi (2 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan sembilan (9) kes di Selangor, dua (2) kes di Sabah, dan masing-masing satu (1) kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sarawak, Melaka, Kelantan, dan Perak. Kesemua kes kematian tersebut melibatkan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut

negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 29 Januari 2021;

- Jumlah kluster : **791 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **12 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **416 kluster** (termasuk **sembilan (9)** kluster yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Alor, Kluster Nahaba, Kluster Integra Ikon, Kluster Bukit Naga, Kluster Tapak Bina Metropolis, Kluster Tapak Bina Jalan Gadang, Kluster Tapak Bina Kasih, Kluster Tapak Bina Sinar View, dan Kluster Tapak Bina Residen**);
- Jumlah kluster aktif : **375 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **89 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Tanjung Suria (385 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (224 kes), dan Kluster Penjara Jalan Sungai Jelok (116 kes)**.

## **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **12 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini, yang melibatkan 10 kluster berkaitan tempat kerja dan dua (2) kluster komuniti.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

<b>No</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Kategori Kluster</b>
1	Persiaran Subang	Selangor	Tempat Kerja
2	Industri Indah	Selangor	Tempat Kerja
3	Tapak Bina Jalan Klang	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
4	Tapak Bina Jalan Vista	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
5	Jalan Kota Burok	Johor	Tempat Kerja
6	Jalan By Pass	Johor	Tempat Kerja
7	Jalan Bistari Dua	Johor	Tempat Kerja
8	Jalan Empayar	Johor	Tempat Kerja
9	Jalan Rusa Scientex	Johor	Tempat Kerja
10	Jalan Sepanggar	Sabah	Tempat Kerja
11	Tinanom	Sabah	Komuniti
12	Tabong	Sarawak	Komuniti

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

29 Januari 2021 @ 6.00 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 29 JANUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	3,126	62,189
<b>SABAH</b>	288	48,307
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	687 (6)	24,338
<b>JOHOR</b>	684	19,746
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	69	11,450
<b>PULAU PINANG</b>	99	7,678
<b>PERAK</b>	73	5,932
<b>KEDAH</b>	125	5,634
<b>SARAWAK</b>	179	4,124
<b>MELAKA</b>	74	3,380
<b>KELANTAN</b>	93	3,193
<b>PAHANG</b>	67	2,859
<b>WP LABUAN</b>	5	2,094
<b>TERENGGANU</b>	137 (1)	1,974
<b>WP PUTRAJAYA</b>	16	864
<b>PERLIS</b>	3	171
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>5,725 (7)</b>	<b>203,933</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Perincian 5,725 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 29 Januari 2021 adalah seperti berikut:**

- **Selangor: 3,126 kes**

- 932 kes daripada kluster-kluster, termasuk 20 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Persiaran Subang dan Kluster Industri Indah;**
- 1,627 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 567 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 687 kes**

- 217 kes daripada kluster-kluster, termasuk 81 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Jalan Klang dan Kluster Tapak Bina Jalan Vista;**
- 193 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Enam (6) kes import dari luar negara; dan
- 271 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 684 kes**

- 284 kes daripada kluster-kluster, termasuk 84 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Kota Burok, Kluster Jalan By Pass, Kluster Jalan Bistari Dua, Kluster Jalan Empayar, dan Kluster Jalan Rusa Scientex**;
- 266 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 134 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 288 kes**

- 48 kes daripada kluster-kluster, termasuk 32 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tinanom dan Kluster Jalan Sepanggar**;
- 167 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 73 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 179 kes**

- 108 kes daripada kluster-kluster, termasuk enam (6) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tabong**;
- 22 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 49 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.



- **Terengganu: 137 kes**
  - 22 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 71 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
  - 43 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kedah: 125 kes**
  - 16 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 24 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 85 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pulau Pinang: 99 kes**
  - Sembilan (9) kes daripada daripada kluster sedia ada;
  - 42 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 48 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kelantan: 93 kes**
  - Dua (2) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 50 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 41 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 74 kes**
  - 31 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 23 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 20 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Perak: 73 kes**
  - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 36 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 28 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Negeri Sembilan: 69 kes**
  - 19 kes daripada kluster sedia ada;
  - 31 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 19 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pahang: 67 kes**
  - 16 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 29 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 22 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: 16 kes**
  - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
  - 11 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Lima (5) kes**
  - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada;
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Perlis : Tiga (3) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

### LAMPIRAN 3

Ringkasan 16 kes kematian pada 29 Januari 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
718	126603	Selangor	Lelaki (WN)	70	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	Penyakit kencing manis, strok, dan buah pinggang kronik
719	134740	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	67	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi, buah pinggang kronik, dan penyakit hati kronik
720	142712	Sabah	Lelaki (WN)	64	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit kencing manis
721	147465	Sarawak	Lelaki (WN)	40	Hospital Sibul	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia
722	151557	Selangor	Lelaki (WN)	93	Hospital Serdang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan paru-paru obstruktif kronik (COAD)
723	152497	Selangor	Lelaki (WN)	55	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
724	159615	Selangor	Lelaki (WN)	59	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	Penyakit darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
725	159620	Selangor	Perempuan (WN)	36	Hospital Serdang	Obesiti

726	180055	Melaka	Lelaki (WN)	37	Hospital Melaka	Penyakit kencing manis
727	181401	Selangor	Perempuan (WN)	74	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
728	184811	Selangor	Lelaki (WN)	64	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
729	186696	Kelantan	Perempuan (WN)	63	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
730	187812	Selangor	Perempuan (WN)	56	Hospital Selayang	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
731	195379	Selangor	Perempuan (WN)	75	Hospital Shah Alam	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
732	195962	Sabah	Lelaki (WN)	58	Jenazah dibawa ke Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit darah tinggi
733	197531	Perak	Lelaki (WN)	82	Jenazah dibawa ke Hospital Seri Manjung	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan <i>bronchiectasis</i>

\*WN merujuk kepada warganegara.

**Perincian 12 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:**

**1. KLUSTER PERSIARAN SUBANG**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Klang dan Petaling di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 27 Januari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Persiaran Teknologi Subang, Batu Tiga, Shah Alam. Sehingga 29 Januari 2021, sejumlah 509 individu telah disaring, di mana **16 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

**2. KLUSTER INDUSTRI INDAH**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Klang di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 28 Januari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Taman Perindustrian Meru Indah, Kapar. Sehingga 29 Januari 2021, sejumlah 87 individu telah disaring, di mana **47 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **3. KLUSTER TAPAK BINA JALAN KLANG**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Lembah Pantai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 29 Januari 2021 hasil saringan bersasar sebuah tapak binaan di Jalan Klang Lama. Sehingga 29 Januari 2021, sejumlah 370 individu telah disaring, di mana **50 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **4. KLUSTER TAPAK BINA JALAN VISTA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 20 Januari 2021 hasil saringan bersasar sebuah tapak binaan di Jalan Bukit Vista Komanwel, Taman Sukan Extreme, Cheras. Sehingga 29 Januari 2021, sejumlah 464 individu telah disaring, di mana **47 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **5. KLUSTER JALAN KOTA BUROK**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Muar di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-179041) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 23 Januari 2021 hasil saringan sebelum pulang ke negara asal. Kluster ini melibatkan pekerja kilang di

Jalan Kota Burok, Bukit Pasir, Muar. Sehingga 29 Januari 2021, sejumlah 51 individu telah disaring, di mana **30 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **6. KLUSTER JALAN BY PASS**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Segamat di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 27 Januari 2021 hasil saringan bersasar sebuah institut latihan awam yang terletak di Jalan By Pass, Segamat. Sehingga 29 Januari 2021, sejumlah 103 individu telah disaring, di mana **23 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **7. KLUSTER JALAN BISTARI DUA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 29 Januari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan Bistari 2, Taman Industri Jaya, Skudai, Johor Bahru. Sehingga 29 Januari 2021, sejumlah 55 individu telah disaring, di mana **17 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.



## **8. KLUSTER JALAN EMPAYAR**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 22 Januari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan Empayar 2, Taman Perindustrian Empayar, Nusajaya. Sehingga 29 Januari 2021, sejumlah 74 individu telah disaring, di mana **18 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **9. KLUSTER JALAN RUSA SCIENTEX**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 24 Januari 2021 hasil saringan bersasar sebuah pasar raya di Jalan Rusa, Taman Scientex, Pasir Gudang, Johor Bahru. Sehingga 29 Januari 2021, sejumlah 120 individu telah disaring, di mana **enam (6) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **10. KLUSTER TINANOM**

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Ranau di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-163441) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 19 Januari 2021 hasil saringan individu

bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks yang terletak di Kampung Tinanom, Ranau. Sehingga 29 Januari 2021, sejumlah 65 individu telah disaring, di mana **46 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

#### **11. KLUSTER JALAN SEPANGGAR**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kota Kinabalu di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-191351) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 27 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan sebuah pusat pentadbiran awam di Jalan Sepanggar. Sehingga 29 Januari 2021, sejumlah 80 individu telah disaring, di mana **12 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

#### **12. KLUSTER TABONG**

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Bau di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-193843) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 27 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks iaitu di Jalan Tabong, Kampung Apar Singai, Bau. Sehingga 29 Januari 2021, sejumlah 74 individu telah disaring, di mana **tujuh (7) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.